

Newspaper	Berita Harian
Date	21 November 2015

Bincang Dasar Pandang Ke Timur 2.0

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak membincangkan gelombang kedua Dasar Pandang Ke Timur 2.0 ketika mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatannya dari Jepun, Shinzo Abe, di sini, semalam.

Menurut seorang pegawai, hubungan usaha sama berasaskan dasar itu harus sesuai dengan Visi 2020 Malaysia serta matlamat Jepun untuk mencergaskan semula ekonomi selain mengukuhkan pembabitatan negara itu dengan ASEAN.

Najib mengumumkan dasar 2.0 ketika lawatan rasmi ke Korea Selatan pada Disember tahun lalu.

Galak kerjasama ekonomi Mesyuarat dua hala itu yang berlangsung selama 40 minit, turut menyentuh mengenai bidang seperti keijasama pertahanan, maritim, kereta api



berkelajuan tinggi serta pembaharuan dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSC).

Abe berada di Kuala Lumpur untuk menghadiri Sidang Ke-

muncak ASEAN Ke-27 yang bermula, hari ini.

Beliau mengetengahkan usaha Jepun dalam isu global selain menggalakkan keijasama ekonomi di Asia Pasifik.

Pada pertemuan itu, beliau juga mengucapkan tahniah kepada Najib atas kejayaannya selaku Pengerusi ASEAN dan Sidang Kemuncak Asia Timur.

BERNAMA